

22 APR 1999

KAJIAN-MAHATHIR

KERAJAAN MENJANJI KAN KOMITMEN BERTERUSAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kerajaan hari ini telah melahirkan komitmennya yang berterusan bagi memastikan keadaan ekonomi, sosial and politik yang kondusif.

Di dalam kata Pendahuluan di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT) yang dibentangkan di Parlimen hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan juga akan memastikan semua rakyat Malaysia mendapat ganjaran daripada pertumbuhan ekonomi.

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri berkata, sektor swasta, para pengguna dan setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab bersama dalam membangkitkan permintaan, meningkatkan daya saing, memperluaskan eksport dan mengurangkan import.

Langkah-langkah akan diambil bagi mengembalikan keyakinan para pelabur, memulihkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan meneruskan pembangunan sumber manusia selain daripada menyelesaikan masalah kemerosotan produktiviti, keupayaan modal yang rendah dan tekanan inflasi, kata beliau.

Juga, sumber-sumber pertumbuhan juga akan terus dikenalpasti, tambah beliau.

Dr Mahathir mengakui akan kepentingan sumber manusia ke arah pertumbuhan ekonomi berlandaskan produktiviti, dalam mana bekalan tenaga kerja akan terus ditingkatkan, peluang pendidikan dan latihan akan diperbaiki serta memperkukuhkan mekanisma pasaran buruh.

Katanya lagi, walaupun Rancangan Malaysia Ketujuh akan berakhir tidak lama lagi, adalah amat penting rakyat Malaysia menyedari bahawa kita masih perlu bekerja lebih keras dalam baki masa yang tinggal untuk memastikan objektif sosio-ekonomi negara akan tercapai sepenuhnya.

Ini akan memberikan Malaysia kedudukan kukuh dalam menempuh alaf baru demi masa depan generasi akan datang, kata beliau.

Perdana Menteri berkata lagi, daya usaha bersama seluruh negara telah dapat membuahkan hasil sebelum ini, di mana ianya telah menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri menyatakan rasa terima kasih kepada rakyat yang telah banyak menyokong, berdisiplin, prihatin dan bersatu padu dalam menempuhi jangka masa kesusahan ini yang diakibatkan oleh krisis ekonomi.

Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia masih perlu berusaha lebih gigih untuk memastikan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mengembalikan daya pertumbuhan, kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun, memberi peringatan kepada rakyat Malaysia bahawa negara ini masih terdedah kepada faktor-faktor luar dari rantau ini dan juga seluruh dunia.

Oleh yang demikian, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan senantiasa bekerjasama dengan pihak-pihak luar ke arah menyusun semula struktur kewangan sedunia yang dapat memastikan kejatuhan ekonomi tidak berulang.

Dalam mengimbas kembali perkembangan semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1991 hingga 2000, Dr Mahathir berkata, prestasi ekonomi negara agak membanggakan tetapi telah diganggu gugat oleh krisis ekonomi pada tahun 1998 yang telah bermula pada pertengahan tahun 1997.

Krisis tersebut, tambah beliau, juga telah memberi kesan buruk kepada ekonomi serantau yang sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti-aktiviti spekulasi oleh dana-dana asing yang mengeluarkan wang secara besar-besaran.

Di dalam proses ini, perbuatan mereka itu telah menggoyangkan matawang

serantau, termasuk ringgit Malaysia.

Ini telah memnguatkan azam kerajaan Malaysia untuk mengambil langkah-langkah yang tegas bagi memastikan kestabilan ekonomi negara tidak lagi diganggu gugat.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah ditubuhkan pada Jan 7, 1998 dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) telah dilaksanakan pada 23 Julai, 1998.

Perdana Menteri berkata, selain daripada bertindak mengatasi masalah krisis ekonomi, PPEN juga memberikan rangka kerja lengkap bagi mengatasi isu-isu struktur dan isu-isu jangka-masa pertengahan.

Langkah-langkah ini merupakan tindakan yang pragmatik dan diwujudkan bagi mengatasi masalah-masalah yang serius yang juga memerlukan komitmen bukan hanya daripada kerajaan tetapi juga daripada rakyat jelata dari segenap lapisan masyarakat.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan di Parlimen hari ini mengenalpasti jangkaun yang telah tercapai dalam membangunkan ekonomi negara bagi tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketujuh, yakni tahun 1996 hingga 1998.

Ianya juga menyenaraikan halangan-halangan dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu-isu yang menekan pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam perspektif masa hadapan, ianya juga mengenalpasti peluang-peluang yang ada untuk baki masa yang tinggal dan juga membentangkan strategi-strategi yang dapat merealisasikan Dasar Pembangunan Negara (DPN) serta mencapai status sebuah negara maju, sepertimana dihasratkan di dalam Wawasan 2020.

-- BERNAMA

MFZ OS